

KPUMS dan KPUTM kerjasama anjur program

► Berteraskan khidmat komuniti di SMK Pengalat Besar Papar

Oleh ABD NADDIN HJ SHAIDDIN

UB 6.5.2017 B2
KELAB Pemadam UMS dan Kelab Pemadam UTM melaksanakan program yang berteraskan elemen khidmat komuniti, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Dr Ismail Ali berkata penerapan aktiviti pelajar melalui program khidmat komuniti yang berbentuk kesukarelawan menjadi asas dalam usaha pemantapan jati diri, kemahasiswaan dan seterusnya menjadi medium untuk memperkasakan kepimpinan dalam pengurusan organisasi dan kelab pelajar sepanjang tempoh pengajian di universiti khususnya di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Justeru, bertitik tolak dengan sokongan itu, Kelab Pemadam UMS melakar sejarah tersendiri apabila julung-julung kalinya

melaksanakan aktiviti berteraskan strategi lautan biru dengan melaksanakan program bersama Kelab Pemadam Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sejajar dengan usaha untuk memerangi dadah habishabisan (PDH).

Pada kali ini, Kelab Pemadam UMS dan Kelab Pemadam UTM melaksanakan program motivasi pendidikan pencegahan dadah di SMK Pengalat Besar, Papar, yang dihadiri seramai 49 pelajar.

Sementara itu, penyertaan daripada pelajar KPUMS dan KPUTM adalah seramai 45 orang. Program itu dirasmikan penutupannya oleh Pegawai Unit PPDa Pejabat Pendidikan Daerah Papar Mohd Hilmie Abdullah.

Dalam ucapan penutupannya, beliau menyarankan agar pelajar yang menyertai program itu mengambil peluang untuk memanfaatkan ilmu yang diberikan dan berusaha untuk menjadi golongan belia yang bebas dadah.



PESERTA bergambar pada majlis penutupan Program Motivasi Pendidikan Pencegahan Dadah: Belia Benci Dadah SMK Pengalat Besar Papar.



(Gambar atas) SESI pembentangan LDK Belia Benci Dadah.

(Gambar kanan) MAJLIS Malam Mesra KPUMS dan KPUTM.



KUMPULAN LDK SMK Pengalat Besar Papar Sabah.

Antara pengisian aktiviti yang dilaksanakan ialah Ceramah Kesedaran Bahaya Dadah oleh Zunaidi M Taib, Puspén Papar, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Sesi Motivasi oleh Zolkifli Shaari, Penasihat KPUTM, Gotong Royong Bilik PPDA, Lima Minit Anti Dadah oleh Adryzms Menak, Presiden KPUMS dan Senaman Gaya Hidup Sihat Tanpa Dadah serta Demo Cerapan Planet oleh Dr Othman (UTM) bersama tim Sabah Stargazer.

Pengarah Program Fionna George (siswi tahun akhir program Geografi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, UMS) berkata ia adalah satu program yang dilaksana bagi mendedahkan pelajar sekolah berkaitan bahaya dadah dan kesannya

kepada masa depan individu yang terlibat dengan dadah.

Menurutnya objektif utama program adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan dadah, menyemai dan menanam sikap prihatin dalam diri mereka supaya sedar bahawa najis dadah perlu ditangani bersama dan menjadi medium interaksi antara pihak universiti bersama pelajar sekolah khususnya dalam membantu memberi pendidikan pencegahan dadah secara lebih dekat.

Adalah menjadi harapan KPUMS dan KPUTM agar ilmu yang disampaikan akan menjadi motivasi kepada peserta menjadi anak yang baik, pelajar yang berdisiplin, bijaksana dan seterusnya menjadi belia yang berwawasan tinggi serta berkepimpinan.

Justeru, Nik Nur Fatimah Mohd Ridzewan (Presiden Kelab Pemadam UTM) pula berkata KPUMS dan KPUTM mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan SMK Pengalat Besar, Papar terutamanya Pemangku Pengetua Kassim Hj Wiro, Hajah Naimah Haji Din, Sofiah Magain, Siti Noor Othman dan Norfiza Mohamad Razali atas sokongan tinggi dan kerjasama padu, serta semua pihak yang terlibat

“Penerapan aktiviti pelajar melalui program khidmat komuniti yang berbentuk kesukarelawan menjadi asas dalam usaha pemantapan jati diri, kemahasiswaan dan seterusnya menjadi medium untuk memperkasakan kepimpinan dalam pengurusan organisasi dan kelab pelajar sepanjang tempoh pengajian di universiti khususnya di Universiti Malaysia Sabah (UMS).”

PROF DR ISMAIL ALI

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS

secara langsung atau tidak langsung dalam usaha membantu merealisasikan program itu.

Abdul Haidy Abdul Hamid (Penasihat Kelab Pemadam UMS) berkata KPUMS dan KPUTM juga bekerjasama melaksanakan beberapa program berbentuk pemantapan jati diri seperti lawatan ke Pejabat Pemadam Negeri Sabah (Kepimpinan), lawatan silaturrahim ke Surau Al-Aliff, Lebak Sumar, Sekayan, Pengalat Besar (Kesukarelawan dan Kerohanian) dan lawatan ke beberapa lokasi menarik di Kundasang (Sosial) sepanjang tempoh delegasi Kelab Pemadam UTM berada di Sabah agar pengisian program lebih memberi impak yang tinggi dalam

konteks jalinan kerjasama antara mahasiswa dengan komuniti setempat.

Penasihat KPUTM turut mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan UMS di bawah pimpinan Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, semua pihak dan terutamanya KPUMS atas kesudian menjalankan aktiviti bersama yang telah dilaksanakan dengan jayanya dan berharap agar usaha itu berterusan untuk aktiviti yang akan datang.

Adalah menjadi harapan agar semua pihak tampil untuk bekerjasama dengan pihak KPUMS dalam usaha untuk membantu pihak berwajib melaksanakan aktiviti pencegahan dadah peringkat komuniti setempat.



SENAMAN Gaya Hidup Sihat Tanpa Dadah SMK Pengalat Besar Papar Pengalat.